

Dua faktor kejayaan Malaysia jadi 'orang tengah'

BERITA HARIAN 29 JUL 2025 m/s: 3

Kuala Lumpur: Kejayaan Malaysia sebagai 'orang tengah' dalam pelaksanaan gencatan senjata antara Thailand dan Kemboja, diyakini disumbangkan dua faktor iaitu kemahiran diplomasi Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mantap, selain imej negara yang dilihat baik di mata ASEAN.

Pakar hubungan antarabangsa dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Prof Dr Mohd Afandi Salleh, menyifatkan Perdana Menteri bijak memanfaatkan hubungan baik dengan masing-masing bekas Perdana Menteri Kemboja dan Thailand, iaitu Hun Sen dan Thaksin Shinawatra untuk menyokong proses gencatan senjata itu.

Tanggungjawab Malaysia dili-

hat tidak terhenti setakat mesyuarat yang membawa kepada gencatan senjata semalam, sebaliknya Mohd Afandi berkata, selaku Pengerusi ASEAN, Malaysia mempunyai tanggungjawab yang lebih besar, iaitu mewujudkan perjanjian damai membawa kepada keamanan secara mutlak di antara Kemboja dan Thailand.

"Ia jelas membuktikan Anwar mempunyai *skill* diplomasi yang mantap, selain hubungan baiknya bersama Thaksin dan Hun Sen yang mempunyai pengaruh kuat di kedua-dua negara terbabit membuahkan hasil.

"Paling penting ia meningkatkan imej Malaysia yang terbukti dipercayai ASEAN sebagai mediator atas rekod baik negara

yang sebelum ini juga pernah menjadi 'orang tengah' dalam isu di Pattani, Thailand dan Mindanao, Filipina," katanya kepada *BH*, semalam.

Terdahulu, Thailand dan Kemboja mencapai kata sepakat melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat sebagai langkah penting ke arah meredakan ketegangan dan mengembalikkan keamanan di kawasan sempadan.

Persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat khas antara Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet, dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai, dengan Perdana Menteri bertindak sebagai hos, Pengerusi ASEAN dan saksi kepada perbincangan bersejarah itu.

Pada masa sama, Mohd Afandi berkata, kejayaan Malaysia ini petanda baik buat negara untuk terus memainkan peranan mengadakan perjanjian damai antara Kemboja dan Thailand bagi menokhtahkan sengketa dan pergolakan di antara dua negara itu.

Guna pengaruh kuasa besar

Sementara itu, geostrategis, Prof Dr Azmi Hassan, berkata strategi Perdana Menteri yang menggunakan dua pengaruh kuasa besar iaitu Amerika Syarikat (AS) dan China untuk mendapatkan gencatan senjata itu dilihat amat menarik.

Beliau berkata, ia membuktikan Perdana Menteri memahami sepak terajang geopolitik anta-

rabangsa dengan menggunakan pengaruh kuasa besar dalam keadaan tertentu, walaupun hakikatnya beliau tidak mahu ASEAN berpihak kepada mereka.

"Cara Perdana Menteri menggunakan jawatan Pengerusi ASEAN amat menarik dengan membabitkan negara kuasa besar.

"Saya percaya gencatan senjata ini hanya permulaan dan Perdana Menteri sendiri sudah mengarahkan menteri luar untuk sentiasa berkomunikasi dengan rakan sejawat di Thailand dan Kemboja bagi memastikan persetujuan gencatan itu dipatuhi," katanya.

Beliau percaya gencatan senjata ini hanya permulaan ke arah memuktamadkan proses sama lebih bermakna.